

PANDUAN PERUNDINGAN TANPA BIAYA

1.0 LATAR BELAKANG & TUJUAN

- 1.1 Perundingan Tanpa Biaya atau juga dikenali sebagai pemberian nasihat profesional dalam kepakaran atau bidang kepada klien. Merupakan suatu aktiviti yang mana pensyarah menjadi pakar rujuk dalam bidang kepakaran atau sub kepakaran.
- 1.2 Perundingan Tanpa Biaya adalah bersifat tidak menerima bayaran profesional / honorarium atau menerima bayaran yang disalurkan atas akaun peribadi individu tersebut.
- 1.3 Tujuan pendaftaran Perundingan Tanpa Biaya adalah untuk merekodkan sumbangan perundingan tanpa biaya atau khidmat kepakaran ahli akademik USIM tanpa melibatkan komitmen kewangan dari penawar khidmat atau klien tersebut. (Rujuk 1.2)
- 1.4 Rekod Perundingan Tanpa Biaya akan diambilkira di dalam rekod ahli akademik untuk dimasukkan ke dalam e-Akademik.

2.0 KRITERIA DAN SYARAT PERMOHONAN

Pendaftaran Perundingan Tanpa Biaya ini terbuka kepada Kakitangan Akademik dengan syarat-syarat berikut:

- i. Permohonan ini ditawarkan kepada pensyarah bagi Gred 45 dan ke atas.
- ii. Warganegara Malaysia; dan Kakitangan Akademik Tetap / Kontrak yang sedang berkhidmat di USIM.
- iii. Pemohon yang sedang bercuti belajar / cuti sabbatical adalah tidak dibenarkan untuk memohon pendaftaran ini.
- iv. Permohonan yang dikemukakan hendaklah untuk Perundingan Tanpa Biaya yang **SEDANG AKTIF SAHAJA**.

3.0 JANGKA MASA PROJEK

Jangka masa projek adalah di antara 1 hingga 3 tahun.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Perundingan Tanpa Biaya PLiMJi iaitu Borang Permohonan Pendaftaran Perundingan Tanpa Biaya (PLiMJi/PTB/001) yang boleh dimuat turun dari laman web PLiMJi atau eDocs PLiMJi.
- 4.2 Pendaftaran ini adalah di bawah perakuan Pengarah PLiMJi dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) TNC PI.
- 4.3 Hanya permohonan yang telah dinilai dan disokong oleh Dekan/ Ketua Jabatan Fakulti/Pusat/CoE/PTJ sahaja yang boleh dihantar ke PLiMJi untuk diproses dan direkodkan.
- 4.4 PLiMJi akan mengeluarkan surat kelulusan dari permohonan yang diluluskan oleh TNC PI.